



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

2,000 PESERTA JAYAKAN LARIAN MAPPA 2026, PERKUKUH BUDAYA PEGAWAI AWAM SIHAT, PRODUKTIF DAN BERDAYA TAHAN

SUNGAI PETANI, 11 JULAI 2026 – Seramai hampir **2,000 peserta** daripada **Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis** menyertai **Larian MAPPA 2026 Wilayah Utara** di Dataran Zero, Sungai Petani hari ini, sekali gus memperkukuh komitmen Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk membudayakan gaya hidup sihat sebagai asas melahirkan pegawai awam yang produktif, berdaya tahan dan mampu menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Penganjuran Larian MAPPA 2026 Wilayah Utara bukan sekadar acara sukan, malah menjadi **pemangkin kepada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-21 (MAPPA XXI)** yang akan berlangsung pada Ogos 2026. Program ini menggalakkan amalan hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal serta memperkukuh kesejahteraan mental dalam kalangan pegawai awam, selaras dengan prinsip H.E.M.A.T. yang menekankan pembangunan modal insan sektor awam yang sihat, produktif dan berdaya tahan.

Larian yang menawarkan kategori *5KM Fun Run* dan *3KM Fun Walk* itu turut menghimpunkan peserta daripada pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan serta masyarakat setempat. Sambutan yang memberangsangkan ini membuktikan bahawa usaha membudayakan gaya hidup sihat mampu diperkasakan melalui kerjasama erat antara kerajaan dan komuniti, sekali gus menyemarakkan semangat kebersamaan ke arah masyarakat yang lebih aktif dan sejahtera.

Program dimulakan dengan sesi senamrobik sebelum pelepasan rasmi peserta disempurnakan oleh YB Tuan Haji Muhamad Radhi bin Haji Mat Din, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, bersama YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam serta YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Selain larian, program turut dimeriahkan dengan reruai pameran dan Jualan Rahmah MAPPA XXI yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan serta rakan strategik. Pengisian ini memberi peluang kepada masyarakat mendapatkan maklumat mengenai pelbagai perkhidmatan kerajaan secara langsung, di samping mengeratkan hubungan antara institusi kerajaan dan rakyat melalui pendekatan yang lebih mesra, inklusif serta responsif.

Penganjuran Larian MAPPA 2026 Wilayah Utara membuktikan bahawa reformasi perkhidmatan awam bukan sekadar digerakkan melalui dasar dan polisi, malah turut diperkukuh melalui pembentukan warga perkhidmatan awam yang sihat, produktif dan berdaya tahan. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, JPA akan terus memperluas inisiatif yang memperkukuh kesejahteraan pegawai awam sebagai pemangkin kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti, cekap dan berimpak demi kesejahteraan rakyat.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh	:	11 Julai 2026
E-mel	:	komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan	:	JPA.100-9/1/2 Jld.3 (51)